



MWPKL


BULETIN

مِسْجَدُ الْقَرْبَةِ كَوَافِي الْمُلْقُوفِ



BIL. 1 / 2024M / 1445H

PERCUMA



IHYA' DAN ERAT RAMADAN *bersama* #GENGSUBUHMACAMJUMAAT

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI
& MAAF ZAHIR BATIN

Ikhlas daripada

PEJABAT PENTADBIRAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Dari meja Imam Besar

Assalamualaikum w.b.t

Segala puji bagi Allah SWT, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda. Bersyukur ke hadrat Allah SWT, Buletin Siri 1.2024 dapat diterbitkan.

Dipanjatkan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana Masjid Wilayah Persekutuan masih diberi peluang untuk merancang dan melaksanakan program-program ibadah, aktiviti kelas, seminar, pengajian dan lain-lain tugas yang diamanahkan. Pihak masjid juga bersyukur terhadap sambutan dari jemaah dan masyarakat terhadap program dan aktiviti yang dianjurkan. Buletin edisi ini melaporkan sebahagian program dan aktiviti yang telah diadakan sepanjang bulan Januari 2024 hingga April 2024 yang juga mengandungi Program Ihya Ramadan pada tahun ini.

Setiap program yang dilaksanakan dan kejayaan yang dicapai adalah hasil usaha dan komitmen warga MWPKL dan juga kerjasama agensi-agensi luar. Semoga kerjasama ini akan berterusan bagi mengimarahkan masjid ini. Akhir kata semoga sumbangan yang telah disumbangkan oleh masyarakat ke masjid ini akan memperoleh ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah S.W.T dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin dari pihak pentadbiran Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, Wassalam w.b.t



OSMAN BIN ABU BAKAR

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Y.Bhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail

Pengarah

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

PENASIHAT

Ustaz Osman bin Abu Bakar

Pemangku Imam Besar

Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

KETUA PENGARANG

Ustaz Jamal Zaidi bin Ismail

PENGARANG

Ustaz Dr.Khalid bin Isa

Ustaz Ahmad Saufi bin Mustaffa

Ustaz Syapol Ma'arof bin Mohd

Ustazah Rohaida binti Haron

REKABENTUK DAN GRAFIK

Encik Eddy Ezrul bin Abdul Majid

JURUFOTO

Encik Eddy Ezrul bin Abdul Majid

Encik Faiezal bin Ab Jamal

Puan Siti Khairina binti Mustohar

EDARAN

Ustaz Mohd Eshwal bin Salman

Encik Nizan Shah Samsuri

Encik Abdullah bin Abdul Jalil

HUBUNGI KAMI

MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

JALAN TUANKU ABDUL HALIM, 50480 KUALA LUMPUR

TEL: 03 6201 8791 | FAKS: 03 6201 8790

WAKTU OPERASI PEJABAT

ISNIN - KHAMIS - 8.00 PAGI - 4.30 PETANG

(WAKTU REHAT 1.00 - 2.00 PETANG)

JUMAAT - 8.00 PAGI - 4.30 PETANG

(WAKTU REHAT 12.15 TENGAHARI - 2.45 PETANG)

SABTU / AHAD / CUTI UMUM - TUTUP

e-mel : masjidwp@jawi.gov.my



Laman Sesawang Rasmi :
www.masjidwilayah.gov.my



masjidwilayahpersekutuan



8 JANUARI 2024

TAKLIMAT KELAS PENGAIJIAN DEWASA SESI 2024

Sesi taklimat Kelas Pengajian Dewasa Sesi 2024 telah diadakan di dewan muslimin dengan penyertaan pelajar-pelajar yang telah berjaya melepassi tapisan temuduga mengikut kelas yang telah ditawarkan. YBrs Us.Rozimi bin Zamri, Imam Besar telah menyempurnakan sesi tersebut dengan ucapan perasmian mengalu-alukan pelajar-pelajar yang telah berjaya mengikuti sesi pembelajaran pada tahun ini.



18 JANUARI 2024

RAKAMAN PROGRAM TAZKIRAH MALAM JUMAAT

Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjadi lokasi bagi Program TV Tazkirah Malam Jumaat terbitan ASTRO bertempat di dewan solat selepas solat Isyak. Personaliti yang telah dijemput untuk rakaman tersebut ialah PU Rahmat Ihsan dan Ustazah Asni Mansor dan dihoskan oleh Amin Idris. Tajuk Burn Out telah dibicarakan pada rakaman tersebut..



24 JANUARI 2024

PROGRAM JOM KEMBALI KE SEKOLAH

Masjid Wilayah Persekutuan meneruskan lagi Program Jom Kembali Ke Sekolah pada tahun ini. Dengan gandingan kerjasama yang erat daripada Persatuan Sahabat Masjid, MWP berjaya melaksanakan program ini seperti tahun-tahun sebelumnya. Program ini menyasarkan anak-anak asnaf daripada sekolah-sekolah berhampiran MWP. Sebanyak 8 buah sekolah rendah, 8 buah sekolah menengah dan 2 buah rumah anak yatim mendapat manfaat daripada program ini. Program ini dirasmikan oleh Pengarah JAWI iaitu YBhg. Datuk Mohd Ajib bin Ismail. Turut hadir YBhg. Dato' Seri Hasan bin Arifin, Pengurus Persatuan Sahabat Masjid dan Imam Besar MWP, YBrs. Us. Rozimi bin Zamri.



31 JANUARI 2024

WILAYAH PERSEKUTUAN BERMUNAJAT

Program Wilayah Persekutuan Berselawat Sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun JAWI telah berlangsung di dewan solat utama Masjid Wilayah Persekutuan bermula dengan solat Maghrib berjemaah. Tausiah selepas solat Maghrib telah disampaikan oleh Habib Ali Zainal Abidin bin Abu Bakar AlHamid. Selepas solat Isya' majlis diteruskan dengan acara kemuncak iaitu bacaan selawat dan qasidah oleh kumpulan Inteam dan Mawlid. Turut hadir bagi menyempurnakan majlis tersebut YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama diringi YBhg Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI.



16 FEBRUARI 2024

JOM KEMBALI KE SEKOLAH BERSAMA ANAK YATIM

Masjid Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Sahabat Masjid, JAWI Foodbank, Mydin dan Gerbang Alaf Restoran Sdn Bhd telah menganjurkan Program Jom Kembali ke Sekolah Bersama Anak-Anak Yatim 2024 bertempat di MYDIN USJ Subang Jaya Selangor. Seramai 20 orang penerima dari Rumah Anak Yatim Titian Kasih dan Rumah Anak Yatim Shifa telah diraikan dan dibawa ke pasaraya Mydin untuk membeli barang keperluan sekolah bagi sesi persekolahan akan datang dengan dibantu oleh kakitangan dan pegawai Masjid Wilayah Persekutuan. Program telah dirasmikan dengan ucapan dari Ybrs Ustaz Jamal Zaidi bin Ismail, Imam Kanan MWPKL dan penyampaian sumbangan kepada penerima sebelum sesi membeli belah.



17 FEBRUARI 2024

PROGRAM ANAKKU IKUT SUNNAH

Program Anakku Ikut Sunnah 2024 bagi meraikan anak-anak yang berkhatan telah berlangsung meriah dimulakan dengan solat Subuh berjemaah di dewan solat utama. Selepas solat Subuh dan sesi pendaftaran peserta telah dibawa berarak menaiki kenderaan 4X4 disekitar Masjid Wilayah Persekutuan. Majlis diteruskan dengan acara perasmian di dewan jamuan muslimin yang telah disempurnakan oleh Ybhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI diiringi pemangku Imam Besar Ybrs. Us. Osman b. Abu Bakar yang turut menyampaikan sumbangan kepada peserta-peserta program sebelum sesi khitan dimulakan. Program ini turut dijayakan dengan kerjasama oleh QSR brand, JAWI Food Bank, Sahabat Masjid, Geng 4x4 Santai Ngecas, Balai Bomba Sri Hartamas dan Hospital Pakar Al Islam.

Sematang Usia



**1 FEBRUARI 2024
FORUM PERDANA EHWAL ISLAM**

Program Forum Perdana Ehwal Islam bertajuk 'Budi Sematang Usia' sempena dengan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun JAWI telah diadakan di dewan serbaguna dengan anggaran kehadiran 1000 orang tetamu. Program tersebut telah dihadiri oleh YB Senator Dato' Setia Dr.Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama diiringi YBhg Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI.



**2 MAC 2024
KEMBARA DAKWAH MWPKL**

Masjid Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Kelab Motosikal TYL telah mengadakan Program Kembara Dakwah 2024. Konvoi seramai 50 orang peserta telah dilepaskan oleh Pengarah JAWI, Ybhg Datuk Hj. Mohd Ajib bin Ismail bertempat di Anjung A MWPKL menuju ke Masjid Kampung Ketari Bentong, Pahang. Pada program tersebut sumbangan barang makanan telah disampaikan kepada asnaf yang terdiri dari penduduk kampung dan peserta turut mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan tanah perkuburan kampung tersebut.



**7 MAC 2024
PROGRAM SEIKHLAS HATI FGV HOLDINGS BERHAD**



Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah bekerjasama dengan FGV Holdings Berhad telah mengadakan Program Seikhlas Hati bagi menyampaikan bantuan zakat dan sumbangan produk makanan keluaran FGV kepada 300 orang asnaf. Program ini turut mendapat kerjasama dari Jabatan Agama Islam Selangor, Pusat Pungutan Zakat PPZ, Lembaga Zakat Selangor dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Ucapan Pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Rastam Mohd Isa, Pengurus FGV Holdings Berhad bertempat di dewan serbaguna MWPKL.



24 MAC 2024


**PROGRAM ERAT DAN IHYA RAMADAN BERSAMA
GENG SUBUH MACAM JUMAAT**

Program Erat dan Ihya Ramadan bersama Geng Subuh Macam Jumaat bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan dianggarkan telah dihadiri seramai 6,000 orang jemaah. Program dimulakan dengan qiamulail yang bermula jam 4.15 pagi telah dipimpin oleh Syeikh Abdel Rahman ElDesouky. Selesai qiamulail jemaah telah bersahur di laman hidayah dengan jamuan yang telah disediakan sehingga masuknya waktu imsak dan diteruskan dengan solat Subuh berjemaah yang telah diimamkan oleh Syeikh Dr.Samy Ahmed Abdelrahman Elfeky. Ucapan perasmian telah disempurnakan oleh YB Senator Dato Setia' Dr.Hj. Mohd Naim bin Hj. Mokhtar, Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama) selepas solat Subuh.



PROGRAM BULAN RAMADAN 2024M | 1445H

MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN



Solat Tarawih bersama Syeikh Abdelrahman Eldesouky dari Mesir



Program Bubur Lambuk 'Drive Thru'



Iftar Ramadan dan Program Kongsi Rezeki



Program Tarbiyatul Aulad / Khidmat Jagaan Kanak-Kanak semasa Solat Tarawih



Tadarus Al-Quran dan Majlis Khatam Al-Quran



27 MAC 2024

MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN DAN PELANCARAN AKADEMI AL-QURAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Program Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Wilayah Persekutuan 2024/1445H dan Pelancaran Akademi Al-Quran Wilayah Persekutuan (AQWA) telah berlangsung di Dewan Serbaguna MWPKL dengan kehadiran jemputan seramai 300 orang yang terdiri dari wakil agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan pelajar-pelajar tafhib di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh AF Ustaz Abdul Khair bin Jalil, Johan Qari Kebangsaan dan Antarabangsa dan Tadabbur Al-Quran telah disampaikan oleh Imam Besar Masjid Negara, AF Tuan Haji Ehsan bin Mohd Hosni. Ucapan aluan telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah JAWI dan diteruskan dengan Ucapan Perasmian dan Pelancaran Akademi Al-Quran Wilayah Persekutuan (AQWA) yang telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Syed Kamarulzaman Syed Kabeer, Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).




1 APRIL 2024

PROGRAM LAMBAIAN SYAWAL



Seramai 150 orang asnaf telah menerima sumbangan dalam Program Lambaian Syawal sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri anjuran Masjid Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Persatuan Sahabat Masjid, Muslim Aid, Jamiyah dan Cadbury Dairy Milk. Program telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Operasi JAWI, Tuan Haji Kamaldin b. Mohd Damin.



Program Bicara Mufti Wilayah Persekutuan




S.S Datuk Dr. Luqman Hj. Abdullah

HARI JUMAAT
MINGGU KE-4 SETIAP BULAN
12.30 TENGAH HARI

DEWAN SOLAT UTAMA MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN



MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN RASMI



Bersama

Ustaz Zul Ramli M.Razali
Pendakwah & Penceramah Motivasi

Kuliah maghrib Bulanan

Kitab Bidayatul-Hidayah

HARI RABU MINGGU KE-2 SETIAP BULAN | SELEPAS SOLAT MAGHRIB
DEWAN SOLAT UTAMA MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN



Masjid Wilayah Persekutuan Rasmi

SUMBANGAN UNTUK TABUNG MASJID



NAMA BANK :
BANK ISLAM

NOMBOR AKAUN :
14023010023833

NAMA AKAUN :
**MASJID WILAYAH
PERSEKUTUAN**



MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KL
MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KL

MALAYSIA NATIONAL QR

Accepted by participating Banks and e-wallets
Merchant Partner
BANK ISLAM

Ringkasan



PENAWAR bagi HATI

PROGRAM RIYADHUL JANNAH BERSIRI



KITAB DIJUAL PADA HARGA RM30 BAGI PESERTA BARU



AI FADHIL USTAZ MUHADIR JOll

ISININ | MINGGU PERTAMA SETIAP BULAN
10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI
DEWAN MUSLIMAT MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI
US.ANAS 012-257 5553




KITAB SAIRUS SALIKIN

Penceramah **DR AYMAN AL-AKITI**

f LIVE MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN RASMI
9.00 PG - 10.00 PG **SELASA** SETIAP MINGGU

www.masjidwilayah.gov.my  masjidwilayahpersekutuan  masjidwilayahpersekutuan

Kelas Pengajian



Taffaqquh Fiddin

Masjid Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Yayasan Pahang **Tahap 3**



TASAWUF **FEKAH** **TAUHID** **AL-QURAN & TAFSIR**

RABU & KHAMIS
9.00 PG - 12.30 TGH

 **PERPUSTAKAAN MWPKL**

f LIVE ONLINE DI FACEBOOK MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN RASMI

program **JILSAH ULAMA** 

2024 BERSIRI

Kitab Induk MINHAJ AL THALIBIN



SABTU MINGGU AKHIR SETIAP BULAN **9.00 PG 11.30 PG**

f LIVE MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN RASMI

UNTUK PERTANYAAN | US.ANAS 012-257 5553 | US.JEFFRI 019-343 9652

TARIKH DAN MASA PROGRAM-PROGRAM ADALAH TERTAKLUK KEPADA PINDAAN DARI MASA KE MASA



Jurunikah

MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



U.S. SYAPOL MA'AROF
B. MOHD
012-914 9690



DR. KHALID B. ISA
013-976 5546

KADAR BAYARAN | JURUNIKAH RM150 | SAKSI NIKAH RM50 SEORANG



Dewan Pernikahan

RM150

KADAR SEWA DEWAN-DEWAN JAMUAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Dewan Jamuan Muslimat 200 pax



RM2,500.00

RM3,000.00



Dewan Jamuan Muslimin 400 pax

*Kadar sewa adalah termasuk kerusi dan meja.

*Tempahan jamuan hanya dari senarai syarikat katering yang berdaftar dengan Masjid Wilayah Persekutuan sahaja.

*Waktu penggunaan adalah pada 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

*Penyewa perlu mematuhi lain-lain peraturan yang telah ditetapkan.